

Pemuda tak ekstrem: Hishammuddin

Oleh Wan Faizal Ismayatim

BACHOK: Pergerakan Pemuda Umno menolak tanggapan sesetengah pihak yang menyifatkan pergerakan itu sebagai ekstrem berikutan beberapa isu yang dibangkitkan perwakilan ketika Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini.

Malah, Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata Pemuda Umno bersedia menghadapi sebarang tindakan dari segi peraturan parti mahupun undang-undang, jika didapati keterlalaan.

“Untuk melabelkan Pemuda sebagai ekstrem agak keterlalaan. Jika pucuk pimpinan parti mahu mengambil tindakan dari segi peraturan dan undang-undang, kita akan akur.

“Pemuda tidak pernah berasa diri

kita melebihi peraturan negara dan parti. Itu prinsip kita. Pemuda tidak pernah melebihi peraturan dan undang-undang sedia ada. Itu perkara pokok dalam perjuangan kita.

“Sekarang bukan lagi masa untuk menuntut pengiktirafan. Bukan masa untuk mendesak. Kita hanya diminta untuk bersama-sama menjayakan agenda lebih besar iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bersama Presiden parti,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas penutup Festival Dikir Barat Pemuda 2006 yang disempurnakan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), di sini, malam kelmarin.

Hadir sama, Pengerusi Badan Per-

hubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin dan Naib Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin.

Hishammuddin berkata, di sebalik polemik dan isu yang ditimbulkan sesetengah pihak, hubungan Pemuda Umno dengan Pemuda Barisan Nasional (BN) tetap kukuh dan saling memahami perjuangan masing-masing.

“Saya percaya Pemuda BN memahami apa yang kita luahkan. Jika sesuatu isu yang dibangkitkan perwakilan tidak diputarbelitkan pihak berkepentingan, saya rasa ia tidak jadi satu isu besar.

“Tetapi kalau ada mereka yang berkepentingan sengaja cuba mengeksploitasi sesuatu isu, maka ia akan berterusan... kita dalam Pemuda Um-

no dan Pemuda BN tidak akan jadikan isu yang dibangkitkan itu sebagai polemik,” katanya.

Beliau mengakui ada di kalangan perwakilan Pemuda yang berucap agak keterlalaan dan beremosi sehingga mendapat perhatian daripada pucuk pimpinan Umno.

“Memang kalau kita tumpukan pada ucapan perwakilan, ada yang beremosi dan kadang-kadang terlanjur. Contohnya, wakil Pemuda, Datuk Shamsul (Najmi Shamsuddin) yang minta Datuk Zam (Zainuddin Maidin) letak jawatan.

“Dia kemudian ditegur Datuk Seri Dr Rais Yatim dan sehari kemudian dia minta maaf. Apa yang diluahkan Shamsul diterima baik Zam. Ini cara budaya kita. Kalau terlanjur hendaklah meminta maaf dan lakukan secara ikhlas,” katanya.